

MBKT A, B dominasi final MAKSAK

Oleh Faizul Azlan Razak
sukan@hmetro.com.my

Kuala Terengganu: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) A mencatat hat-trik apabila muncul juara Kejohanan Futsal Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) Lelaki Terbuka Terengganu 2014 di Gelanggang Futsal Sport Planet, Gong Badak, di sini.

MBKT A muncul juara kejohanan anjuran Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Kuala Terengganu/Marang itu selepas menundukkan MBKT B dengan kemenangan tipis 3-2 sekali gus

membawa pulang wang tunai RM1,200.

MBKT B yang layak ke perlawanan akhir selepas menewaskan Kelab Wisma Darul Iman (KWDI) 3-1 di separuh akhir hanya meraih RM800.

KWDI dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang masing-masing tewas di separuh akhir membawa pulang RM450.

Hadiah disampaikan Jurutera JPS Daerah Kuala Terengganu Zamri Ismail.

Sementara itu, pengurus pasukan MBKT Zaidi Abdul Rahman berkata, pihaknya gembira kerana ramalan melihat kedua-dua pasukan

beraksi di pentas final menjadi kenyataan.

Menurutnya, kejayaan diraih kedua-dua pasukan MBKT itu hasil kerja keras pemain sekalipun mendapat tantangan sengit pasukan lain.

"Turun sebagai status juara bertahan memang memberikan sedikit tekanan, namun pengalaman membuatkan pemain dapat mengawal perasaan itu."

"Tahun ini juga yang terbaik buat MBKT kerana kedua-dua pasukan layak ke final dan pencapaian ini diharapkan dapat dikekalkan untuk kejohanan seterusnya," katanya.



MBKT A dan B bergambar selepas tamat acara final.

HARIAN METRO 7/10/14